



MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DAN PENGGUNAAN DEWAN

1. Pengguna perlu menunjukkan resit / surat kebenaran / kelulusan sebelum menggunakan kemudahan dewan.
2. Wang Amanah akan dikenakan ke atas penyewaan / penggunaan untuk tujuan bagi mengadakan pertandingan, majlis perkahwinan / jamuan, program atau penyewaan / penggunaan secara harian.
3. Pengguna tidak dibenarkan menggunakan kemudahan dewan sebelum dan selepas tamat tempoh yang dibenarkan.
4. Pengguna hendaklah menggunakan kemudahan dewan yang disewa / ditentukan sahaja.
5. Untuk penggunaan gelanggang di dalam dewan, kasut yang dipakai hendaklah sesuai dengan permainan / aktiviti dijalankan.
6. Semua pengguna diminta sentiasa menjaga kebersihan kawasan serta keselamatan peralatan yang digunakan. Sebarang kerosakan / kehilangan perlu diganti atau ditolak daripada Wang Amanah.
7. Dilarang merokok di dalam dan kawasan dewan.
8. Tidak dibenarkan membawa masuk sebarang minuman keras (berakohol) / kenderaan dan binatang peliharaan ke dalam kawasan dewan.
9. Tidak dibenarkan mengorek / menggali mana-mana juga bahagian di kawasan dewan untuk tujuan mendirikan khemah / kanopi atau sebagainya tanpa kebenaran daripada MPK.
10. Bagi kegiatan-kegiatan / aktiviti yang memerlukan permit / lesen / kebenaran dari pada agensi-agensi yang berkaitan (contohnya Bahagian Pelesenan MPK, Polis, Pejabat Daerah dan sebagainya), pengguna hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan terlebih dahulu.
11. Sebarang sepanduk (banner) / poster / papan tanda tidak dibenarkan dipasangkan di mana-mana juga bahagian di kawasan dewan kecuali mendapat kebenaran daripada MPK.
12. Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada dewan kecuali dengan kebenaran daripada MPK,

13. Tidak dibenarkan membakar apa-apa juga bahan di mana-mana bahagian di dalam dan diluar kawasan dewan MPK.
14. Dilarang membuang sampah dan sisa makanan ke dalam sinki dan lubang tandas serta aktiviti membasuh / mencuci di dalam tandas atau kawasan dewan.
15. Penganjuran semua jenis aktiviti politik, perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan adalah tidak dibenarkan.
16. MPK tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan / kecederaan / kehilangan yang berlaku ke atas mana-mana individu sepanjang tempoh penggunaan / penyewaan dewan. MPK juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan / kehilangan mana-mana kenderaan yang diletakkan di perkarangan meletak kenderaan.
17. Penyewa hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertugas.
18. Penyewa tidak dibenarkan menyewa semula kepada pihak lain atau menyerahkan penyewaan kepada orang lain.
19. Wang Amanah akan dirampas sekiranya berlaku kehilangan peralatan, kerosakan akibat penyewaan / penggunaan atau hal-hal berkaitan kebersihan. Wang Amanah hanya akan dikembalikan setelah MPK mendapati semua syarat-syarat yang dikenakan sama ada secara bertulis atau lisan dipatuhi.
20. MPK berhak membatalkan tempahan / penyewaan pada bila-bila masa jika berlaku pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan atau jika ada kepentingan penggunaan oleh MPK dan Kerajaan tanpa sebarang perasangka.

PENGAKUAN PEMOHON

Saya **bersetuju** untuk mematuhi semua syarat yang dikenakan ke atas saya dan akan menjelaskan bayaran sewaan 14 hari sebelum tarikh penggunaan dewan.

Saya _____ No. Kad Pengenalan _____
 mengaku telah menempah dewan pada _____ dengan jumlah bayaran yang
 perlu dijelaskan sebanyak RM _____

Kegagalan saya / pihak organisasi saya di dalam mematuhi perkara di atas akan mengakibatkan permohonan / penyewaan dewan TERBATAL dengan sendirinya.

Saya yang benar,

.....
 (Nama: _____)

Tarikh:.....